

GARIS PANDUAN RAWATAN ISLAM

- Tidak boleh mendakwa bahawa rawatan itu bersumber dari Nabi Muhammad SAW, para ambia atau diambil dari al-Quran atau amalan para Sahabat atau lain-lain jika tiada alasan kukuh berdasarkan nas al-Quran dan Hadis.
- Tidak menggunakan bentuk sihir, ilmu hitam, tilik tenung, tukang nujum, ramalan tapak tangan dan silap mata atau menurun serta memanggil roh orang mati.
- Tidak meminta izin atau bantuan dari kuasa makhluk ghaib dalam rawatan atau untuk mencari kekuatan.
- Tidak boleh menyembelih binatang, menjamu makanan kepada penunggu dan mengaitkan sesuatu pengeras dengan suatu akibat.
- Dilarang sama sekali membatas dendam, aniaya, menakutkan, mengugut dan lain-lain.
- Sumpah tidak dibolehkan semasa rawatan, hanya ikrar sahaja mengikut kesesuaian tanpa mengandungi perkara bercanggah akidah dan syariat Islam seperti memuja dewa atau nama berhala.
- Jampi dibenarkan dengan syarat menggunakan ayat al-Quran, bahasa mudah difahami dan tidak mengiktikadkan jampi itu menyembuhkan pesakit, sebaliknya kuasa ALLAH.
- Semua pengamal ilmu rawatan Islam tertakluk kepada undang-undang negara.

Sumber: Jakim

Agamawan bimbang trend bomoh online berleluasa

SINAR HARIAN

M 5:2

16/6/2022

Proses rawatan dipertontonkan boleh menimbulkan salah faham

SHAH ALAM

Seorang pendakwah, Wan Akashah Wan Abdul Hamid menzahirkan kebimbangan terhadap trend pengamal perubatan menggunakan nama Islam mempertontonkan proses rawatan secara langsung atau menerusi rakaman video di media sosial yang semakin berleluasa termasuk yang memaparkan adegan memanggil jin.

Beliau berkata, sekiranya trend baharu itu tidak dikawal ia dikhuatiri mencemarkan agama apabila kaedah rawatan itu disalah tafsir oleh masyarakat umum.

Malah, tegasnya, trend baharu itu juga melanggar etika dan adab perubatan Islam kerana mendedahkan aib pesakit.

"Proses rawatan secara 'live' atau rakaman videonya dimuat naik di media sosial ini boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

"Ini kerana tak semua masyarakat terutama generasi muda memahami perkara yang 'tidak nampak di mata' dan akan mendorong mereka membuat pelbagai andaian terhadap perubatan Islam itu sendiri," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Wan Akashah menegaskan, ilmu tentang perubatan Islam hanya diketahui oleh

mereka yang mengamalkannya, mempelajari dan membaca tentangnya serta tidak wajar proses rawatan dipertontonkan kepada umum.

"Apabila rawatan ini diperlihatkan di media sosial, akan timbul banyak perkara negatif kerana kadangkala netizen mengulas perkara itu bukan berdasarkan ilmu dan fakta jadi akhirnya nama agama tercemar.

"Selain itu, trend sebegini juga boleh mengaibkan pesakit kerana ada pesakit yang tidak suka atau reda dengan apa yang didedahkan serta kalau boleh mereka nak rahsiakan sakit mereka daripada pengetahuan umum," jelasnya.

Justeru itu, beliau menasihatkan pengamal perubatan agar tidak mempertontonkan kandungan sensitif sebegini di media sosial bagi mengelakkan timbul



WAN AKASHAH

fatih terhadap agama dan kekeliruan dalam masyarakat kerana perkara itu seharusnya dirahsiakan.

Menurutnya, pengamal perubatan perlu menetapkan niat melakukan rawatan semata-mata kerana ALLAH SWT kerana niat yang baik dapat mengelakkan berlaku perkara buruk yang menjejaskan Islam.

"Kalau mahu mempromosikan rawatan mereka di media sosial sebab mengikut trend semasa, janganlah

mendedahkan rawatan secara terbuka," ujarnya.

Bagi mengelakkan trend itu terus berleluasa, Wan Akashah turut menggesa pihak berkuasa agama terutama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan jabatan agama Islam negeri memantau trend itu dan mengambil tindakan bagi mengelakkan perkara berkenaan terus berleluasa.

Perlu segera keluarkan fatwa

SHAH ALAM - Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan negeri digesa supaya segera mengeluarkan fatwa berhubung trend pengamal perubatan Islam mempertontonkan proses rawatan secara langsung atau menerusi video kandungan di laman sosial.

Peguam, Datuk Akberdin Abdul Kader berkata, ia kerana trend ter-

undang-undang khusus yang boleh disabitkan untuk kesalahan tersebut, sebaliknya ia lebih kepada jenis penyalahgunaan.

"Ia panduan yang perlu dikeluarkan untuk kita kenal pasti siapa dan apa latar belakang mereka, adakah mereka yang ingin merawat ini perlu berdaftar, sebab kalau tidak ada, semua orang

...berkata, ia kerana trend terbaru itu dikhuatiri boleh memesonkan akidah umat Islam.

“Trend ini tidak termasuk dalam kesalahan jenayah syariah di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997.

Jawatankuasa fatwa perlu buat satu rumusan tentang amalan ini kerana ia perkara serius. Orang boleh salah gunakannya untuk buat duit demi kepentingan sendiri.

“Justeru, mereka perlu buat resolusi untuk atasi isu ini dan buat satu keputusan mengatakan perkara ini tidak dibolehkan kerana ia berlawanan dengan syarak,” katanya.

Mengulas lanjut, Akberdin berkata, perlu ada garis panduan yang jelas kerana dalam jenayah syariah tidak ada

sebab kalau tidak ada, semua orang pun boleh mengaku yang mereka pandai mengubat guna cara Islam,” ujarnya.

Jelas beliau, tidak dinafikan perubatan Islam itu wujud dan merupakan alternatif merawat yang baik, tetapi individu yang mengubati itu mestilah mereka yang arif dalam bidang rawatan Islam dengan latar belakang yang boleh dipercayai seperti Pusat Rawatan Darussyifa’.

“Namun cara perubatan tersebut perlulah mengikut amalan yang diterima, bukan semudah itu. Siapa yang memberi mereka autoriti untuk berbuat demikian? Pelaku menggunakan jalan mudah supaya orang lain tidak tahu di mana tempat tinggal dan latar belakang mereka,” ujarnya.